

Pengurus bumiputera tukar kerja kejar gaji lebih dibidas

UM - 7 APR 1984

KUALA LUMPUR 6 April. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini membidas sikap para pengurus bumiputera di sektor swasta yang gemar bertukar kerja dari satu institusi perniagaan ke satu institusi perniagaan semata-mata kerana mengejar gaji yang lebih.

Perdana Menteri berkata, "orang-orang seperti ini sampai bila-bila pun tidak akan mempunyai kesetiaan kepada organisasi dan di kepala mereka cuma terdapat perkiraan gaji, faedah per-

hidmatan dan lain-lain.

"Kepada para pengurus seperti ini ingin saya sebutkan bahawa sikap mereka akan menjejaskan pencapaian bumiputera pada keseluruhannya dan mereka harus sedar sikap sedemikian menjadikan mereka bahan jual-beli."

Badan-badan perniagaan pula, tambah beliau harus sedar bahawa para pengurus seperti ini tidak akan menjadi harta kepada mereka.

Datuk Sri Dr. Mahathir membuat teguran itu dalam ucapannya semasa mera-

smikan bangunan ibu pejabat PERNAS setinggi 37 tingkat yang berharga \$74 juta di Jalan Raja Laut di sini pagi ini.

Cocok

Perdana Menteri sebaliknya mahu para pengurus bumiputera lebih mementingkan keuntungan jangka panjang iaitu mengumpul dan kepakaran mereka dalam satu-satu bidang perniagaan dan perindustrian. Beliau menasihatkan para pengurus yang berjaya mengumpul pengalaman supaya mengenalpasti jenis perniagaan yang betul-betul secocok dengan pengalaman dan kepakaran mereka dalam melabur tenaga, fikiran dan modal dalamnya.

"Insya — Allah mereka mungkin lebih berjaya,"

Beliau menasihatkan para pengurus yang berjaya mengumpul pengalaman supaya mengenalpasti jenis perniagaan yang betul-betul secocok dengan pengalaman dan kepakaran mereka dalam melabur tenaga, fikiran dan modal dalamnya.

"Insya — Allah mereka mungkin lebih berjaya,"

Datuk Sri Dr. Mahathir mengingatkan para pengurus supaya jangan kluatir mereka akan terlepas peluang kerana bagi mereka yang berpengalaman dan cekap peluang ada bila-bila masa sahaja.

"Sebenarnya di waktu ini pun terdapat beribu peluang perniagaan dan beribu lagi akan menjelma sepanjang masa. Oleh itu janganlah kluatir. Bila-bila masa anda sudah cukup bersedia, anda boleh merebut salah satu daripada peluang yang terbuka kepada anda," katanya.

Dalam hubungan ini, Perdana Menteri berharap badan-badan perniagaan kerajaan supaya terus meneruskan berusaha mempastikan bilangan pengusaha dan pengurus bumiputera bertambah dari tahun ke tahun.

"Kita mestilah pastikan bilangan bumiputera yang aktif secara langsung dalam perniagaan dan perindustrian terus meningkat," tegasnya.